


24 NOVEMBER 2017

4 ditahan positif dadah dalam operasi khas

4 ditahan positif dadah dalam operasi khas



ANGGOTA polis trafik, JPJ dan AADK membuat sekatan jalan raya dalam operasi khas, kelmarin.

Baling: Empat lelaki ditahan selepas didapati positif dadah ketika operasi khas di Simpang Tiga Landak, Jalan Baling - Sungai Petani di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Baling Superintendan Shariffuddin Yusof berkata, operasi khas selama tiga jam bermula 9 malam membabitkan Kawangan Ketenteraman Awam dan Trafik polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Agensi Anti-dadah Kebangsaan (AADK).

Beliau berkata, semua lelaki berusia 20-an itu yang menaiki Proton Wira ditahan dan darah menjalani ujian saringan air kencing sebelum didapati positif dadah methamphetamine dan morfin.

"Ketika pemeriksaan polis turut menemui heroin

dalam penyedut minuman dalam kereta berkenaan. Dadah itu dipercayai untuk kegunaan sendiri kerana dalam kuantiti yang sedikit dan bukan untuk dijual," katanya.

Beliau berkata, seorang daripada mereka ditahan untuk pemeriksaan lanjut manakala rakan yang lain diserahkan kepada AADK.

Shariffuddin berkata, keseluruhan 135 kenderaan diperiksa dalam operasi itu.

"Sebanyak 22 saman polis dan JPJ dikeluarkan atas pelbagai kesalahan berkaitan lesen memandu, ekzos, tayar, muatan dan teknikal.

"Kita turut membuat pemeriksaan bersepadu terhadap pemandu bas dan lori bagi memastikan mereka bebas dadah," katanya.

FAKTA

Polis temui heroin dalam penyedut minuman dalam kereta berkenaan